

1103
Bahasa
Melayu
Ogos/Sept.
2012
2¼ jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
NEGERI PERAK 2012

BAHASA MELAYU
KERTAS 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulis Rumi atau Jawi.*


Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan fenomena kejadian tanah runtuh. Huraikan pendapat anda tentang **langkah-langkah untuk mengelakkan kejadian tanah runtuh di negara kita**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

KEJADIAN TANAH RUNTUH**LANGKAH-LANGKAH MENGELAKKAN KEJADIAN
TANAH RUNTUH**

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 Jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang **panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan**.

- 1 Setiap ibu bapa mengharapkan anak-anak berjaya dalam kehidupan.
Bincangkan usaha-usaha yang wajar anda lakukan untuk memastikan harapan mereka itu tercapai.
- 2 Minat bersukan dalam kalangan remaja pada hari ini semakin berkurangan.
Huraikan peranan pelbagai pihak untuk memupuk minat bersukan dalam kalangan remaja.
- 3 Kerajaan menggalakkan rakyat Malaysia menggunakan barangan buatan tempatan.
Huraikan kebaikan-kebaikan menggunakan barangan buatan tempatan.
- 4 Malaysia berpotensi untuk menjadi destinasi pelancongan yang terkenal di rantau ini. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis rencana untuk disiarkan dalam akhbar tempatan. Tajuk rencana tersebut ialah 'Usaha-usaha Menarik Minat Pelancong Asing Datang ke Malaysia'.
Tulis rencana itu selengkapnya.
- 5 Perwatakan watak utama dalam sebuah novel yang telah anda baca, banyak mengandungi keistimewaan yang boleh dijadikan panduan dalam kehidupan.
Bincangkan

KERTAS SOALAN TAMAT

1103
Bahasa
Melayu
Ogos/Sept.
2012
2½ jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
NEGERI PERAK 2012

BAHASA MELAYU
KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kepentingan pendidikan kepenggunaan dan cara-cara melahirkan masyarakat berbelanja secara berhemat. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kepenggunaan bermaksud amalan dan polisi melindungi pengguna dengan menyedarkan mereka terhadap barangan yang rosak dan tidak selamat, amalan perniagaan curang, iklan yang mengelirukan dan pengabaian birokrasi. Akta Perlindungan Pengguna 1999, mentakrifkan pengguna sebagai orang perseorangan yang terlibat dengan pembelian barangan atau perkhidmatan untuk kegunaan sendiri. Akta ini tidak terpakai jika pembeli membeli barang-barang atau perkhidmatan untuk perniagaan.

Pendidikan kepenggunaan mestilah bersifat sesuatu yang boleh diamalkan oleh masyarakat. Masyarakat sedar bahawa sektor perniagaan pada masa ini sangat *kompleks dan membingungkan*. Melalui pendidikan ini, pengguna memperoleh maklumat tentang barangan dan perkhidmatan. Maklumat tersebut seharusnya bersifat memberikan motivasi kepada pengguna dalam proses mengambil keputusan yang melibatkan kepenggunaan. Dalam mengambil keputusan ini, pengguna perlu berhati-hati dan bijaksana. Pengguna perlu sentiasa bertindak secara rasional dalam menilai, mentaksir dan membuat keputusan yang bertanggungjawab ketika memilih barangan. Oleh itu, pendidikan kepenggunaan membolehkan pengguna mengambil keputusan yang bijak dalam perbelanjaan seharian. Seterusnya, pendidikan ini juga membantu pengguna membezakan antara keperluan dengan kehendak semasa membeli sesuatu barangan. Selain itu, pengguna boleh berkongsi maklumat dengan individu yang lain tentang isu-isu kepenggunaan. Hal ini mempunyai kesan sosial yang besar kepada masyarakat.

Dalam menjalani aktiviti harian, seseorang itu memainkan peranan sebagai pekerja, pengguna dan warganegara. Apabila seseorang itu bertindak sebagai pengguna, peranan pendidikan kepenggunaan dapat membantunya membeli barangan yang selamat dan berkualiti. Manakala, peranan sebagai pekerja pula membolehkannya menghasilkan barangan atau perkhidmatan yang bermutu. Selain itu, pendidikan kepenggunaan mestilah bersifat sebagai pemangkin untuk tindakan. Pengguna perlu mengetahui saluran-saluran yang sedia ada untuk membuat aduan dan mendapatkan ganti rugi. Dalam hal ini, maklumat kepenggunaan ini membantu pengguna menyelesaikan masalah berkaitan tentang isu kepenggunaan.

Pendidikan kepenggunaan sepatutnya mempunyai kriteria yang membuka mata pengguna supaya sentiasa berwaspada tentang hak-hak pengguna dan kepenggunaan. Dalam konteks mata pengguna, seseorang yang bermaklumat dapat meneliti sesuatu barangan itu secara kritikal dan analitikal. Begitu juga, ciri pendidikan kepenggunaan seterusnya membantu dalam mengaktifkan pergerakan persatuan pengguna. Pergerakan pengguna merupakan golongan yang mengambil berat tentang diri sendiri dan orang lain. Peluang untuk mendapatkan pendidikan kepenggunaan merupakan salah satu daripada hak-hak pengguna yang asas. Malahan, pendidikan ini berupaya membangunkan kemahiran kepenggunaan individu. Oleh itu, masyarakat perlu sedar tentang kepentingan mereka sebagai individu pengguna.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Kepentingan Pendidikan Kepenggunaan'
Buletin Generasi Pengguna, November 2011)

Soalan 2 : Pemahaman
[35 *markah*]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *kompleks dan membingungkan*. [2 *markah*]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa ciri pendidikan kepenggunaan. Nyatakan ciri-ciri tersebut. [3 *markah*]
- (iii) Seseengah pengguna berbelanja di luar kemampuan. Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan pengguna bersikap sedemikian.
- Berikan **tiga** alasan. [4 *markah*]

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Sau ... saudara seperti tidak suka dipuji.”

“Ya, kadangkala pujian itu merupakan racun paling berbisa,” kata si hero, seperti menyindir.

“Saya ... saya ikhlas, saudara. Bukan sengaja saya reka pujian itu untuk saudara.”

“Maafkan saya. Mungkin bahasa saya sedikit keras. Ya, saya merasakan pujian saudara itu sama saja dengan pujian yang saya terima daripada ribuan penonton yang lain. Tidak ada bezanya, dan ... dan sebenarnya setiap kali merecupnya pujian, maka setiap kali itulah juga saya harus bersiap sedia untuk berperang.”

“Berperang?”

“Ya, berperang dengan diri saya sendiri.”

“Maksud saudara?”

Si hero melepaskan dengusan kecil lalu menggaru-garu dagu.

“Saya harus melembutkan sukma saya yang ada kalanya serakah untuk meleburkan diri ke kawah lupa diri.”

Si penjaga panggung terkulat-kulat, merenung muka si hero dengan seliratan tanda tanya.

“Maafkan saya, saudara. Kita jumpa lagi malam nanti. Saudara dengan tugas saudara, saya dengan tugas saya,” ucap si hero, mengangguk-angguk, lalu tunduk ke arah si penjaga panggung.

(Dipetik daripada cerpen

‘Idola’

oleh Zaen Kasturi

dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*

Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berdasarkan petikan, mengapakah si hero tidak suka dirinya dipuji?
[2 markah]
- (ii) Andaikan anda si hero, nyatakan reaksi yang wajar anda tunjukkan apabila menerima pujian.
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** nilai murni yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** nilai murni yang lain daripada cerpen yang tidak terdapat dalam petikan.
[4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Merah Silu berkata, “Hamba datang kepada tuan hamba ini, hamba hendak minta tempat duduk, kerana hamba tiada bertempat.”

Kata Megat Iskandar, “Jikalau demikian baiklah anakanda duduk di sini dengan hamba. Ladang di sini pun luas, dan banyak tempat kerbau makan.”

Sambut Merah Silu, “Jikalau ada kasih tuan apatah salahnya, tuanlah akan menjadi bapa hamba.”

Merah Silu pun bermohon kepada Megat Iskandar, lalu dia pergilah mengambil segala hartanya, askar dan kesemua kerbaunya. Lalu dibawa ke Buluh Telang itu. Merah Silu *tinggallah di situ*.

Merah Silu sangat gemar menyabung ayam. Ramai juara sabung ayam datang bermain menyabung dengan Merah Silu. Orang yang kalah dibayar taruhannya. Berita itu tersebar kepada kampung lain dan ramailah orang datang bermain sabung ayam di Buluh Telang. Apabila mereka kembali, Merah Silu memberi mereka seorang seekor kerbau. Orang yang datang melihat permainan sabung ayam itu juga diberi seekor kerbau.

(Dipetik daripada
‘Merah Silu’
dalam antologi *Harga Remaja*
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud *tinggallah di situ*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan, apakah faktor-faktor yang menyebabkan orang ramai gemar menyabung ayam di Buluh Telang? [3 markah]
- (iii) Jika anda memiliki kekayaan seperti Merah Silu, bagaimanakah anda membelanjakan kekayaan tersebut untuk kebajikan?

Berikan **dua** cara. [3 markah]

Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bangkitlah

Anak-anak yang sedang lena
bangkitlah
matahari sudah tinggi
di puncak gunung.

Lihat jernihnya pagi ini
burung-burung berterbangan di udara
dan pepohon hijau merendang daunnya
apa kau masih belum bangkit?

Bangkitlah
jangan sesal nanti
madu bumi yang kekeringan
isi laut kekosongan
dan perut belantara menjadi ladang.

Anak-anak
esok apa yang akan kaumakan?
tanah atau batu atau debu?
kau mahu terus nangis
tanpa air mata?

Kalau tidak
bangkitlah
matahari belum lagi rembang
dan burung-burung belum lagi menjamah awan!

Rejab F.I.

dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Nyatakan suasana pada waktu pagi yang terdapat dalam rangkap kedua sajak di atas.
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menyedarkan generasi muda yang lalai dan leka?
[3 markah]
- (iii) Huraikan pengajaran yang terdapat dalam **rangkap ketiga dan keempat** sajak tersebut.
[4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) *Tulis dua ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

(i) haus

(ii) gamat

(iii) sidang

[6 markah]

- (b) **Tukar cakap ajuk di bawah kepada cakap pindah tanpa mengubah maksud asalnya.**

“Min, kau nak ke sekolah semula?” tanya ibu. “Ya mak, petang ni saya ada aktiviti Persatuan Bomba,” kata Amin. “Sebelum ke sekolah, mak nak minta tolong,” kata ibu. “Apa yang Min boleh tolong?” tanya Amin. “Tolong poskan surat berdaftar ni,” pinta ibu. “Boleh mak, nanti Min poskan,” kata Amin.

[6 markah]

- (c) **Dalam petikan di bawah, terdapat tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.**

Kebanyakan ahli sukan negara kita belum dapat bersaing diperingkat antarabangsa walaupun telah menjalankan latihan intensif. Contohnya, sukan rugby tidak pernah dirangkul sebarang pingat dalam pertandingan bertaraf dunia. Masalah ini mungkin berlaku disebabkan ketiadaan juru latih berwibawa yang boleh memacu bidang sukan negara pada tahap yang boleh membanggakan.

[6 markah]

- (d) **Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.**

(i) Pakar-pakar bahasa Melayu perlu banyak menulis buku atas kepakaran yang mereka miliki untuk memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu dalam golongan masyarakat.

(ii) Keghairahan remaja merintis laman sosial melalui internet bertujuan mencari rakan-rakan lama di samping ingin merapatkan semula hubungan persahabatan.

(iii) Murid-murid yang cemerlang di dalam kurikulum dan kokurikulum sudah tentu akan mampu mengawal nama baik sekolah.

[6 markah]

- (e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan peribahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong yang berikut.*
- (i) Murni berusaha membantu adiknya dalam pelajaran. Dia sentiasa membimbing adiknya dalam mata pelajaran Matematik kerana dia tahu adiknya lemah dalam mata pelajaran tersebut. Dia sering memberi latihan dan membuat ulang kaji bersama-sama adiknya itu. Dia yakin melalui usaha yang dilakukannya itu adiknya akan dapat menguasai mata pelajaran tersebut dan memperoleh keputusan yang cemerlang kelak. Murni beranggapan bahawa
- (ii) Faisal berasal daripada keluarga yang baik. Dia sentiasa dihormati kerana ketinggian ilmu dan budi bahasanya. Di tempat kerjanya, dia menjadi rujukan rakan-rakannya. Malah rakan-rakannya berkata walau ke manapun Faisal pergi, dia akan dapat memberi manfaat kepada sesiapa sahaja kerana
- (iii) Penduduk Kampung Seri Wangi sebulat suara memilih Syukri menjadi ketua kampung. Setelah menjawat jawatan tersebut, ada segelintir penduduk kampung mempertikaikan pemilihan tersebut. Hal beginilah yang dikatakan orang,

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (a) Kebiasaannya sesebuah novel menonjolkan watak utama yang banyak menempuh cabaran dalam kehidupan.
- Huraikan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh watak utama berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda kaji, jelaskan **satu** pengajaran daripada setiap novel tersebut. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT